

## MEMELIHARA KETURUNAN MELALUI PENDIDIKAN SEKSUAL ISLAMI

Siti Fatimah Abdul Rahman

### ABSTRAK

Saban hari, salah laku seksual dalam kalangan remaja di negara ini semakin bertambah. Salah laku seksual ini membawa kepada masalah-masalah berikutnya seperti hamil luar nikah, pengguguran haram, melahirkan anak luar nikah, dan pembuangan bayi. Seandainya perkara ini dibiarkan berterusan, ia akan merosakkan kesucian institusi perkahwinan dan integriti institusi keluarga Muslim sedangkan kedua-dua insitisi ini merupakan asas kepada pemeliharaan keturunan yang merupakan salah satu unsur penting dalam maqasid al-syariah. Salah satu cara untuk menangani isu ini ialah dengan memberikan pendidikan seksual kepada anak-anak. Kajian terdahulu membuktikan bahawa tahap pengetahuan seksual remaja di negara ini adalah sederhana dan rendah. Kajian juga menunjukkan bahawa kawan-kawan dan internet merupakan dua sumber utama remaja mendapat maklumat tentang seks. Menyedari kedua-dua hakikat inilah maka pendidikan seksual diperkenalkan di sekolah-sekolah di Malaysia, baik di sekolah rendah, mahupun menengah. Namun, pendidikan seksual di sekolah-sekolah ini memiliki kekangan-kekangannya yang tersendiri yang menjejaskan keberkesanan pendidikan seks tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengengahkan pendidikan seksual dari persektif Islam sebagai panduan ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka mengenai perkara ini dalam usaha memelihara keturunan, seperti yang dituntut oleh maqasid al-syariah. Hasil kajian ini mendapati bahawa: (i) Islam memiliki model pendidikan seksualnya sendiri; (ii) Memberikan pendidikan seksual kepada anak-anak adalah tanggungjawab ibu bapa; (iii) Pendidikan Seksual Islami bermula di rumah; (iv) Pendidikan Seksual Islami bermula sejak anak kecil; dan, (v) Pendidikan Seksual Islami perlu disampaikan secara berterusterang. Kajian ini menyimpulkan bahawa oleh kerana Pendidikan Seksual Islami mengajar kita menguruskan naluri seks dan seksualiti manusia, maka jika ia diajarkan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka, ia mampu menjayakan usaha memelihara keturunan yang dituntut oleh maqasid al-syariah.

Kata kunci: Pendidikan Seks, Maqasid al-Syariah, Pendidikan Kesihatan Seksual dan Reproduksi, Masalah Sosial, Keibubapaan Islam.

### PENGENALAN

Saban hari, kita membaca atau mendengar mengenai salah laku seksual dalam kalangan remaja di negara ini. Salah laku seks itu pula seringkali membawa kepada masalah-masalah berikutnya seperti hamil luar nikah, pengguguran haram, melahirkan anak luar nikah, dan pembuangan bayi.

Statistik Remaja Hamil yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan bahawa pada 2017 terdapat 3694 kes remaja hamil manakala pada tahun 2018 bilangan kes menurun kepada 2873 kes sahaja (Shuib, 2019). Walaupun berlaku penurunan kes, namun perlu diingat bahawa statistik ini merujuk kepada kes-kes yang menerima rawatan di hospital kerajaan sahaja. Angka ini tidak merangkumi kes-kes remaja yang tidak melaporkan kehamilan mereka mahupun remaja yang menggugurkan kandungan mereka.

Keseriusan masalah ini juga boleh dilihat daripada kekerapan golongan ini cuba mendapatkan bantuan. Pada tahun 2018 dilaporkan bahawa *Talian Kasih* – talian bantuan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) – menerima sebanyak 15,000 panggilan daripada wanita yang mengharapkan bantuan akibat mengandung luar nikah (Jangan buang bayi, ada keluarga angkat perlu - Dr. Wan Azizah, 2019).

Masalah hamil luar nikah membawa kepada lahirnya anak luar nikah atau anak tak sah taraf. Dilaporkan bahawa pada 2017 terdapat seramai 4992 anak tidak sah taraf yang dilahirkan oleh ibu berusia 18 tahun ke bawah. Pada tahun 2018 pula, sehingga bulan Jun, terdapat 1664 kes seumpama ini (Masalah sosial membimbangkan, 2018).

Masalah hamil luar nikah juga membawa kepada masalah buang bayi. Dilaporkan bahawa antara 2010 – 2018 terdapat 679 kes buang bayi di Malaysia (Abdul Hamid, 2019). Dari bilangan ini, 64 peratus darinya – 446 orang bayi – ditemui dalam keadaan tidak bernyawa.

Masalah hamil luar nikah, melahirkan anak tak sah taraf dan buang anak mungkin sahaja berpunca dari hubungan seks luar nikah yang dilakukan atas dasar suka sama suka. Namun, hubungan seks ini mungkin juga berlaku tanpa menyedari bahawa di Malaysia hubungan seks dengan wanita di bawah 16 tahun merupakan jenayah rogol. Data PDRM menunjukkan bahawa antara Jan – Okt 2018 terdapat 480 kes rogol dalam kalangan remaja dan 168 daripadanya melibatkan pelajar. Dalam tahun 2019 pula, kes meningkat menjadi 491 kes dan 194 darinya melibatkan pelajar. Ini menunjukkan bahawa jumlah kes rogol dalam kalangan pelajar telah meningkat sebanyak 15.5% (26 kes) (Ngah, 2019). Dalam kebanyakan kes, mangsa yang terlibat berusia 13, 14 dan 15 tahun.

Seandainya salah laku seksual dalam kalangan remaja ini dibiarkan berterusan, ia akan merosakkan kesucian institusi perkahwinan dan integriti institusi keluarga Muslim sedangkan kedua-dua insitisi ini merupakan asas kepada pemeliharaan keturunan yang merupakan salah satu unsur penting dalam maqasid al-syariah. Dalam kes bayi yang dibuang itu mati, ia telah

mengabaikan satu lagi prinsip *maqasid al-syariah* iaitu pemeliharaan nyawa. Maka, sesuatu perlu dilakukan untuk menegakkan *maqasid al-syariah* di negara ini.

Ibn Asyur mentakrifkan *maqasid syariah* sebagai pengertian dan rahsia yang dapat difahami daripada syariat Islam dalam keseluruhan atau sebahagian besar proses pensyariaan (Mohd Salleh, Ahmad, & Zahalan, 2018). Alal al-Fasi pula mendefinisikan *maqasid syariah* sebagai objektif yang datang dari syariah dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh pembuat syariah bagi setiap hukum-hakamnya (Mohd Salleh, Ahmad, & Zahalan, 2018). Maka dari segi itu, *maqasid syariah* merujuk kepada matlamat sesuatu pengsyariaan sama ada untuk mendatangkan kebaikan ataupun menolak keburukan (Mohd Salleh, Ahmad, & Zahalan, 2018).

Matlamat sesuatu pensyariaan atau menurut al-Ghazali, "tujuan syarak" adalah untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Sulong & Ismail, 2011).

Secara ringkasnya, menjaga agama bermaksud, memuliakan agama serta mengelak daripada ajaran agama dipermain dan diselewengkan. Menjaga nyawa pula bermaksud memanfaatkan nyawa yang diamanahkan Allah ini dengan sebaik-baiknya dan tidak mengambil nyawa atau membunuh orang lain tanpa hak dan tidak membunuh diri sendiri atas sebab apa sekalipun. Pemeliharaan akal bermaksud memanfaatkan akal sebaik-baiknya dan menjauhi diri dari perbuatan-perbuatan yang boleh merosakkan akal seperti meminum arak, mengambil dadah dan seumpamanya. Memelihara keturunan bermaksud memuliakan maruah keturunan dengan memastikan kelangsungan zuriat berlaku dalam konteks perkahwinan dan menjauhi zina yang boleh mencemarkannya. Pemeliharaan harta pula bermaksud menjaga harta yang dimiliki dari dicuri dan menjauhi penyalahgunaannya (Sulong & Ismail, 2011).

Keturunan atau nasab merujuk kepada hubungan kekerabatan yang diasaskan pada ikatan yang diakui syarak (Sulong & Ismail, 2011) seperti perkahwinan, hubungan darah dan susuan. Kemuliaan keturunan adalah maruah yang perlu dijaga. Dalam Islam, kemurnian keturunan dipelihara dengan menganjurkan perkahwinan dan mengharamkan zina (Sulong & Ismail, 2011).

Dalam konteks *maqasid syariah*, memelihara keturunan bertujuan untuk mengekalkan kewujudan manusia di muka bumi. Untuk itu, Islam telah: mensyariatkan perkahwinan, menganjurkan umatnya berkahwin dengan pasangan yang berbeza jantina; mengharuskan poligami bagi yang mampu; dan mengharamkan zina serta menutup pintu-pintu yang boleh membawa kepada zina. Begitu juga, Islam telah melarang perbuatan yang boleh menghalang dari bertambahnya keturunan seperti meninggalkan perkahwinan, mengamalkan pencegahan kehamilan tanpa sebab yang syarie dan menggugurkan kandungan (Mohd Salleh, Ahmad, & Zahalan, 2018). Demi kelangsungan manusia juga, Islam mengharamkan perbuatan-perbuatan di luar tabie manusia seperti homoseksual, lesbian dan transgender (Hussin, et al., 2015).

Dalam menangani salah laku seksual remaja dan masalah-masalah yang timbul darinya, lazimnya remaja-remaja yang terlibat ditempatkan di pusat pemulihan akhlak atau di rumah-rumah perlindungan untuk dipulihkan. Pusat penjagaan bayi yang tidak dikehendaki (*baby hatch*) juga disediakan untuk menempatkan bayi-bayi yang tidak mereka inginkan (Mohd Salleh, Ahmad, & Zahalan, 2018). Ini adalah langkah-langkah rawatan. Bagaimana dengan langkah-langkah pencegahan?

Salah satu cara untuk mencegah salah laku seksual dalam kalangan remaja ialah dengan memberikan pendidikan seksual kepada mereka. Kertas kerja ini akan mengenegahkan Pendidikan Seksual Islami sebagai panduan ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka untuk memelihara keturunan, salah satu tuntutan *maqasid al-syariah*.

## ULASAN KAJIAN LEPAS

Salah laku seksual remaja ini mungkin ada kaitannya dengan tahap pengetahuan seksual mereka. Kajian mengenai pengetahuan seksual remaja mendapati bahawa pengetahuan seksual mereka adalah rendah (Y, et al., 2010) dan sederhana (Abd Manaf, et al., 2013).

Tahap pengetahuan seksual yang rendah dan sederhana ini berkait rapat dengan sumber maklumat mereka tentang seksualiti. Sumber rujukan utama pelajar mengenai seksualiti adalah kawan-kawan; televisyen/wayang dan internet manakala pengalaman seksualiti mereka adalah dengan menonton filem atau video lucah; keluar temujanji; dan, membaca bahan lucah (Abd Manaf, et al., 2013). Penemuan yang hampir sama diperolehi dalam kajian ke atas remaja hamil luar nikah di mana mereka mendapat maklumat mengenai seksualiti daripada kawan-kawan, teman lelaki/perempuan, CD dan VCD, internet serta buku dan majalah (Jamaluddin, Abd Manaf, Sayuti, Md Zain, & Ahmad, 2018). Dengan sumber-sumber maklumat seperti ini, tidak hairanlah mengapa pengetahuan seksualiti remaja di negara ini berada di tahap sederhana dan rendah.

Untuk membaiki keadaan ini, maka pendidikan seks diajarkan di sekolah-sekolah di Malaysia secara merentas kurikulum. Namun, usaha ini ada kekangannya yang tersendiri, khususnya dari segi kesediaan para guru untuk mengajar topik ini.

Kajian mendapati bahawa wujud rasa malu dalam kalangan para guru untuk mengajarkan topik ini dan ada juga guru yang tidak berkemahiran untuk mengajarkannya (Low, 2009). Para guru juga didapati belum bersedia untuk melaksanakan kurikulum tersebut (Ruskam, Kadir, Haiyon, & Shamugam, 2012). Malah, para guru keberatan untuk mengajar topik berkaitan seks kerana tidak terlatih (Ihwani, Muhtar, Musa, Ab Rahim, & Rashed, Sex Education Beyond School: Implications for Practice and Research, 2015).

Maka, untuk memastikan guru-guru menggunakan kaedah pengajaran yang berkesan dalam melaksanakan Pendidikan Seksual di sekolah, dicadangkan agar kursus-kursus yang terbabit diberikan kepada semua guru yang terlibat dan bukan terhad kepada panitia atau pentadbir sekolah sahaja (Mohd Yusof, Razali, Rosman, & Mustafa, 2012). Malah, dicadangkan juga agar institusi sosial yang lain seperti institusi keluarga dan agama turut sama terlibat dalam memberi pendidikan seks kepada anak-anak (Ihwani, Muhtar, Musa, Ab Rahim, & Rashed, Sex Education Beyond School: Implications for Practice and Research, 2015).

Persoalan seterusnya ialah, sudah bersediakah ibu bapa untuk menjalankan tanggungjawab memberikan pendidikan seksual kepada anak-anak mereka? Apa sebenarnya sikap ibu bapa dalam hal ini?

Di Malaysia, ramai ibu bapa yang keberatan untuk memperkatakan mengenai seksualiti dengan anak-anak mereka kerana malu. Mereka mahu sekolah yang membangunkan kurikulum yang lengkap mengenai pendidikan seksual dan mengajarkannya kepada anak-anak (Makol-Abdul, Nurullah, Imam, & Abd. Rahman, 2009).

Dapatan ini disokong oleh Kajiselidik LPPKN 2014 yang mendapati bahawa ibu bapa tidak selesa untuk membicarakan dan mendedahkan ilmu seks di hadapan anak-anak (Shuib, 2019). Ironinya, kajiselidik yang sama mendapati bahawa anak-anak mahukan ibu bapa untuk membantu mereka dalam hal ini. Tambah pula kajian menunjukkan bahawa remaja seringkali mendapatkan maklumat tentang seks dari kawan-kawan dan internet yang mungkin memberikan maklumat yang salah. Oleh itu, ibu bapa perlu berperanan dalam hal ini agar anak-anak mereka tidak mendapat maklumat yang salah tentang seksualiti (Jamaluddin, Abd Manaf, Sayuti, Md Zain, & Ahmad, 2018).

Anak-anak perlu kepada pendidikan seksual sebagai panduan untuk menguruskan naluri seks mereka. Oleh kerana pendidikan seksual di sekolah memiliki kekangan-kekangannya yang tersendiri, ibu bapa perlu turut serta melaksanakan tanggungjawab ini. Makalah ini akan mengenegahkan Pendidikan Seksual Islami sebagai panduan ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka dengan matlamat untuk memelihara keturunan, salah satu tuntutan *maqasid al-syariah*.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif. Kaedah analisis dokumen digunakan untuk mendapatkan statistik terkini mengenai salah laku seksual remaja. Kajian literatur pula dimanfaatkan untuk mengenalpasti kajian-kajian lepas mengenai pendidikan seksual di Malaysia bagi melihat isu dan permasalahannya. Kemudian, analisis dokumen digunakan untuk meneliti hasil penulisan pemikir Islam – Abdullah Nasih Ulwan – bagi mengenalpasti model pendidikan seksual Islami.

Professor Abdullah Nasih Ulwan berkhidmat di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malik Abd Aziz, Jeddah, Saudi dari tahun 1980 sehingga 1987 (Khadajah, 2018). Beliau telah menghasilkan sebanyak 43 buah karya dan salah satu karya beliau yang amat terkenal ialah *Tarbiyatul Aulad Fil Islam* atau *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam* (Jilid 1 dan 2). Buku ini telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu, Indonesia dan Bahasa Inggeris. Dalam Fasal 7 buku ini, beliau memperincikan mengenai “Pendidikan Seksual” yang merupakan salah satu tanggungjawab pendidikan yang perlu diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka. Model Pendidikan Seksual Islami inilah yang akan diketengahkan dalam makalah ini agar dapat dijadikan panduan oleh ibu bapa dalam memelihara zuriat keturunan mereka.

## DAPATAN KAJIAN

Meneliti Fasal 7 karya Abdullah Nasih Ulwan ini didapati bahawa: (i) Islam memiliki model pendidikan seksualnya sendiri; (ii) Dalam Islam, memberikan pendidikan seksual kepada anak-anak adalah tanggungjawab ibu bapa; (iii) Pendidikan Seksual Islami bermula di rumah; (iv) Pendidikan Seksual Islami bermula sejak anak kecil; dan, (v) Pendidikan Seksual Islami perlu disampaikan secara berterus-terang.

### Islam memiliki model pendidikan seksualnya sendiri

Dalam Islam, pendidikan seksual bermaksud mengajar dan memperkenalkan anak-anak, secara berterus-terang, dari usia mula ia berakal, mengenai perkara-perkara yang berkaitrapat dengan seks dan seksualiti (Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 1988).

Pendidikan seksual Islami (PSI) ini merangkumi unsur-unsur berikut: (i) adab meminta izin untuk memasuki bilik tidur ibu bapa; (ii) adab melihat; (iii) mencegah anak dari pengaruh seks; (iv) mendidik anak hukum-hukum mengenai orang yang baligh; (v) mengajar mereka mengenai perkahwinan dan perhubungan jantina menurut Islam; dan, (vi) menahan diri jika tiada wang untuk berkahwin (Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 1988).

Untuk memperkasakan anak-anak dengan pendidikan seksual, ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka dengan enam unsur tersebut.

- (i) *Adab meminta izin untuk memasuki bilik tidur ibu bapa*

Anak-anak perlu dididik dan dibiasakan untuk meminta izin sebelum masuk ke bilik tidur ibu bapanya, khususnya ketika mereka sedang berdua-duaan pada tiga waktu berikut: (a) sebelum solat Subuh; (b) ketika waktu tengah hari; dan, (c) sesudah solat Isyak. Adab meminta izin ini selaras dengan firman Allah dalam Surah An-Nur (24), ayat 58 – 59 yang bertujuan

untuk mengelakkan si anak daripada melihat apa yang tidak sepatutnya mereka lihat baik dari segi tubuh badan kedua orang tuanya yang mungkin terbuka, mahupun aksi intim mereka (Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 1988).

(ii) *Adab melihat*

Adab melihat ini akan memandu anak-anak untuk mengetahui tentang konsep aurat dan mahram dalam Islam serta apa yang boleh dan tidak boleh dilihatnya. Ibu bapa perlu membiasakan anak-anak dengan adab melihat ini sejak mereka di usia *tamyiz* lagi iaitu sekitar 6 – 10 tahun.

Adab melihat ini memerlukan ibu bapa mendidik anak-anak mengenai sebelas perkara berikut: (a) adab melihat mahram; (b) adab melihat tunang; (c) adab melihat isteri; (d) adab melihat perempuan asing; (e) adab lelaki melihat lelaki; (f) adab wanita melihat wanita; (g) adab wanita kafir melihat wanita Muslimah; (h) adab melihat anak muda cantik (*amrad*); (i) adab wanita melihat orang asing (lelaki asing); (j) adab melihat aurat anak kecil; dan, (k) keadaan-keadaan darurat yang mengharuskan melihat (Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 1988).

Adab melihat ini perlu diajarkan sedikit demi sedikit, sesuai dengan usia si anak. Di masa yang sama, anak-anak itu perlu dididik dan dipantau mengenai pakaian yang boleh dan tidak boleh dipakai untuk memelihara auratnya sendiri dari penglihatan orang lain.

(iii) *Mencegah anak dari pengaruh seks*

Mencegah anak-anak dari pengaruh seks ini dapat dilaksanakan oleh ibu bapa dengan memantau dan memerhatikan aktiviti mereka di dalam dan di luar rumah agar tidak terjerumus kepada perkara-perkara yang boleh merangsang hawa nafsu.

Usaha pencegahan dan pemantauan ini perlu bermula ketika anak mencapai usia *murahik* iaitu antara 10 tahun hingga akil baligh (Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 1988).

Seandainya anak-anak didapati telah mula terpengaruh, misalnya mereka menyimpan komik lucu atau gambar-gambar lucu dalam telefon bimbit, mereka perlu ditegur dan diperbetulkan dengan cara-cara berikut: (a) prinsip penyedaran (memberi kesedaran); (b) prinsip pengancaman (memberi ancaman); dan, (c) prinsip pengikatan (mendidik).

(iv) *Hukum berkaitan orang baligh*

Hukum-hukum mengenai orang baligh ini merangkumi: (a) perkara-perkara yang memerlukan mereka mandi junub; (b) kaedah atau cara mandi junub; dan, (c) perkara-perkara yang haram dilakukan ketika dalam hadas besar (*janabah*, haid, nifas).

Ibu bapa wajib menerangkan kepada anak-anak lelaki dan perempuan, mengenai tanda mereka mencapai usia baligh (Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 1988). Penerangan ini perlu diberikan ketika mereka mencapai usia *murahik* (12 – 15 tahun bagi anak lelaki dan lebih kurang 9 tahun bagi anak perempuan). Penerangan ini penting kerana apabila tanda-tanda itu muncul, kanak-kanak tadi secara serta-merta menjadi baligh dan *mukalaf* dalam hukum syarak. Ini bermaksud, dari segi tanggungjawab dan taklif-taklif yang lain, semua hukum akan terpakai ke atas mereka sama seperti lelaki dan perempuan dewasa yang lain. Banyak kesalahan dan kesilapan mungkin akan dilakukan seandainya mereka tidak mengetahui tentang hukum-hukum mengenai orang baligh ini.

(v) *Perkahwinan dan perhubungan jantina dalam Islam*

Ibu bapa perlu menjelaskan kepada anak-anak mengenai pandangan Islam terhadap seks dan perkahwinan (Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 1988). Dalam Islam, naluri seks adalah satu fitrah manusia dan ia perlu disalurkan melalui perkahwinan. Menyalurkan syahwat secara halal ini amat digalakkan sehingga perbuatan ini dikira sebagai satu amal soleh. Apabila tiba masanya, ibu bapa juga disarankan agar memandu anak-anak mereka tentang cara-cara berkhawat dengan pasangannya di malam pengantin.

(vi) *Menahan diri seandainya belum masa untuk berkahwin*

Islam adalah sebuah agama yang menganjurkan perkahwinan. Walau bagaimanapun, jodoh tiba pada masa yang berbeza bagi setiap individu. Ada yang cepat dan ada yang lambat. Lazimnya, melanjutkan pelajaran akan menyebabkan individu lewat berkahwin. Bagi yang telah bekerja, kadang kala, ketidacukupan wang menghalang anak muda untuk berkahwin awal. Dalam keadaan ini, anak muda perlu dipandu untuk memelihara diri dan mengawal naluri seks mereka. Ibu bapa perlu mendidik anak-anak untuk menjaga kehormatan diri mereka ketika belum mampu untuk berkahwin.

Berikut adalah antara saranan untuk anak-anak muda yang berada dalam situasi ini: (i) berpuasa sunat; (ii) menjauhkan diri dari perkara-perkara yang boleh menimbulkan nafsu berahi; (iii) mengisi masa lapang dengan perkara-perkara yang bermanfaat; (iv) berkawan dengan teman yang soleh; (v) melengkapi diri dengan pelajaran-pelajaran yang baik; (vi) memiliki rasa takut kepada Allah; (vii) memelihara mata dari perkara yang diharamkan; dan, (viii) menguatkan pengaruh agama dalam diri (Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 1988).

Pendidikan Seksual Islami mengandungi keenam-enam perkara tadi. Namun, ia boleh ditambah baik dengan memasukkan unsur-unsur baru seperti “sentuhan selamat” dan “sentuhan jahat” serta keperluan melaporkan “sentuhan jahat” kepada orang dewasa untuk mengelakkan anak-anak dari menjadi mangsa jenayah seksual.

### **Memberikan pendidikan seksual kepada anak-anak adalah tanggungjawab ibu bapa**

Dalam Islam, ibu bapa bertanggungjawab mendidik anak-anak mengenai tujuh aspek berikut: (i) pendidikan keimanan; (ii) pendidikan moral; (iii) pendidikan jasmani; (iv) pendidikan mental; (v) pendidikan rohani; (vi) pendidikan sosial; dan, (vii) pendidikan seksual (Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 1988)

Ini bermaksud, memberikan pendidikan seksual kepada anak-anak adalah tanggungjawab ibu bapa dan ia tidak boleh diserahkan kepada para guru atau pihak sekolah semata-mata.

Tanggungjawab ini selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah at-Tahrim, ayat 6, di mana Allah SWT memerintahkan agar umat Islam memelihara diri dan ahli keluarga mereka dari api neraka. Salah satu cara memelihara ahli keluarga, anak-anak khususnya, dari api neraka, ialah dengan memberikan mereka pendidikan seksual Islami. Tanpa didikan dan bimbingan ibu bapa, anak-anak mungkin mendapatkan maklumat mengenai seksualiti dari sumber-sumber yang salah dan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan agama.

Begitu juga, dalam sebuah hadis riwayat Bukhari, Rasulullah s.a.w bersabda bahawa setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah dan ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi (Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 1988). Dalam konteks pendidikan seksual, pastinya ibu bapa Muslim mahu anak mereka memahaminya dari sudut pandangan alam Islam.

Selain itu, pendidikan seksual adalah mengenai perkara-perkara yang sangat inimit dalam kehidupan kita. Misalnya, tanda-tanda baligh seperti darah haid untuk anak gadis dan mimpi basah untuk anak teruna; bagaimana memastikan darah haid telah kering untuk mandi wajib; menjauhi perbuatan merancap dan seumpamanya adalah topik-topik sulit dan intim. Perkara yang sulit dan intim perlu dijelaskan oleh orang yang rapat dengan kita. Amat sukar untuk membicarakan topik ini dengan orang yang tidak dikenali atau baru dikenali seperti jurulatih. Tambah pula, ada anak gadis yang didatangi haid pada usia 9 tahun. Ibu bapa adalah orang yang paling rapat dan intim dengan anak-anak serta tahu mengenai perkembangan tumbesaran anak-anak mereka. Maka, pastinya perkara-perkara ini lebih mudah disampaikan oleh ibu atau bapa kepada anak-anak mereka berbanding seorang guru atau jurulatih yang tidak dikenali.

Dalam situasi di mana sesebuah keluarga itu tiada ibu, maka peranan ini perlu dimainkan oleh ibu saudara. Para guru di sekolah berperanan sebagai pelengkap kepada ibu bapa dalam memberikan pendidikan seksual kepada anak-anak.

Dalam konteks *maqasid al-syariah*, khususnya bagi menegakkan prinsip memelihara keturunan, tanggungjawab ibu bapa dalam memberikan pendidikan seks ini adalah lebih jelas lagi.

### **Pendidikan Seksual Islami bermula di rumah**

Menurut tertib kandungan Pendidikan Seksual Islami ini, perkara pertama yang perlu diajarkan kepada anak-anak ialah adab meminta izin untuk memasuki bilik tidur ibu bapa. Dari segi itu, pastinya pendidikan seksual ini perlu bermula di rumah.

Adab meminta izin ini perlu diikuti dengan didikan mengenai adab melihat yang termasuk di dalamnya adab memelihara aurat atau adab berpakaian. Maka, sudah pasti, ini juga perlu bermula di rumah, di bawah bimbingan dan pemantauan kedua ibu bapa.

Mencegah anak dari pengaruh seksual juga bermula di rumah dengan ibu bapa mengawal dan memantau aktiviti anak-anak dari segi memastikan bahan bacaan serta tontonan mereka bebas dari unsur-unsur yang merangsang naluri seks anak-anak itu.

Mengajarkan anak mengenai hukum orang baligh juga bermula di rumah. Ibu bapa boleh memanfaatkan kesempatan-kesempatan yang ada untuk menjelaskan sesuatu perkara kepada anak-anak. Sebagai contoh, akan wujud situasi di mana anak bertanya, “Kenapa ibu tidak solat?” atau “Kenapa kakak tidak puasa?” Manfaatkan situasi-situasi seperti ini untuk memberi kesedaran kepada anak-anak mengenai hukum orang baligh. Kemudian, kongsikan tanda-tanda akil baligh dengan anak-anak yang dirasakan telah hampir untuk mereka alaminya.

Ibu bapa juga perlu menjelaskan tentang perkahwinan dan perhubungan jantina dalam Islam, serta kepentingan menahan diri seandainya belum masanya untuk berkahwin. Pihak sekolah juga boleh berperanan dalam menjelaskan perkara ini. Namun, peranan ibu bapa adalah lebih utama.

Keenam-enam perkara yang disebutkan tadi adalah asas kepada pendidikan seksual dalam Islam. Mengikut tertibnya, empat unsur yang terawal perlu bermula di rumah manakala yang kedua terakhir, boleh dilakukan di sekolah.

### Pendidikan Seksual Islami bermula sejak anak kecil

Pendidikan Seksual Islami bermula ketika anak berada di usia *tamyiz*, diteruskan bila mereka berada di usia *murahakah* dan diteruskan lagi apabila mereka mencapai usia baligh.

Usia *tamyiz* ialah antara 7 – 10 tahun (Ulwan, Pendidikan Anak-anak Dalam Islam, 1988). Pada usia ini, ibu bapa perlu mendidik anak-anak mengenai adab meminta izin dan adab melihat. Namun, ada yang berpendapat bahawa usia *tamyiz/mumayyiz* ini belaku lebih awal dari 7 tahun. Ini kerana usia *tamyiz/ mumayyiz* adalah usia di mana anak boleh membezakan antara yang baik dan yang buruk dan mampu membezakan antara lelaki dan perempuan (Masumi). Maka, adab meminta izin ini perlu diajarkan lebih awal dari usia 7 tahun.

Umur *murahakah* ialah antara 10 – 14 tahun. Pada usia ini ibu bapa perlu mendidik anak-anak mengenai hukum-hukum orang baligh dan mencegah anak-anak dari pengaruh seks.

Umur baligh ialah ketika anak berusia 14 tahun ke atas, khususnya apabila mereka telah mengalami tanda-tanda baligh. Pada ketika ini, ibu bapa perlu mendidik anak mengenai perkahwinan dan perhubungan jantina dalam Islam serta cara-cara menahan diri sekiranya belum mampu untuk berkahwin.

Dalam Islam wujud tiga kategori usia ini. Namun, usia sebenar untuk setiap kategori itu berbeza mengikut tumbesaran dan perkembangan setiap individu. Maka, ibu bapa perlu peka dengan tumbesaran dan perkembangan anak-anak supaya mereka tahu bila masa yang sesuai untuk menyampaikan kandungan Pendidikan Seksual Islami ini kepada anak-anak mereka.

### Pendidikan Seksual Islami perlu disampaikan secara berterus-terang

Pendidikan Seksual Islami perlu disampaikan secara berterus-terang dan bersemuka. Alat bantuan mengajar dan demonstrasi boleh juga digunakan khususnya untuk topik seperti cara-cara mandi junub. Seterusnya, ibu bapa perlu memantau perbuatan dan tingkahlaku anak-anak untuk memastikan mereka mengamalkan ilmu serta kemahiran yang diberikan. Di era teknologi maklumat dan komunikasi ini, multimedia boleh dimanfaatkan. Namun, bimbingan dan pemantauan ibu bapa masih diperlukan.

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Keterlibatan remaja Islam dalam salah laku seksual menimbulkan kebimbangan dalam masyarakat. Pergaulan bebas membawa kepada zina. Zina mengakibatkan remaja perempuan hamil luar nikah. Kehamilan luar nikah membawa kepada lahirnya anak luar nikah. Malah, anak luar nikah ini ada kemungkinan dibuang dan ditemui dalam keadaan tidak bernyawa lagi.

Kebimbangan masyarakat berpunca dari hakikat bahawa perbuatan zina dilarang oleh Islam. Larangan agama ini adalah kerana perbuatan zina menggugat institusi perkahwinan dan institusi keluarga yang berfungsi untuk memastikan kelangsungan zuriat dan keturunan manusia. Ini adalah salah satu prinsip *maqasid al-syariah* yang perlu ditegakkan dalam masyarakat Islam. Oleh itu, sesuatu perlu dilakukan untuk memastikan prinsip memelihara keturunan ini dapat dilaksanakan.

Salah satu sebab mengapa remaja terjerumus dalam salah laku seksual ialah kerana tahap pengetahuan seksual yang rendah. Untuk memperbaiki keadaan ini, pendidikan seksual diajarkan di sekolah-sekolah di Malaysia. Namun, pengajaran pendidikan seksual di sekolah-sekolah ini ada kekangannya sendiri yang menjejaskan keberkesannya. Maka, cara lain perlu dicari untuk memastikan pendidikan seksual ini disampaikan kepada generasi muda.

Islam memiliki model pendidikan seksualnya yang tersendiri. Menurut model ini, ibu bapa bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan seksual kepada anak-anak secara berterus-terang dan bertahap mengikut tumbesaran dan perkembangan anak-anak tersebut.

Cabarannya ialah untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa mengenai tanggungjawab ini serta memperkasakan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab ini sebaik mungkin. Berikut adalah beberapa cadangan. **Pertama**, meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa mengenai tanggungjawab ini. Ibu bapa perlu disedarkan bahawa memberikan pendidikan seksual kepada anak-anak adalah tanggungjawab mereka dan bukannya tanggungjawab guru atau ustaz dan ustazah di sekolah. Dengan meningkatnya kesedaran, ibu bapa akan mencari ilmu ini untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab ini dengan baik.

**Kedua**, memperbanyakkan bahan rujukan mengenai Pendidikan Seksual Islami untuk kegunaan ibu bapa baik dalam bentuk bercetak, mahupun multimedia. Bahan-bahan ini hendaklah dibuat dalam bahasa yang mudah dan ringkas agar mudah difahami umum.

**Ketiga**, memperbanyakkan program-program latihan untuk memperkasa ibu bapa agar dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan berkesan. Saranan yang sama telah dikemukakan di Australia bertujuan untuk membekalkan ibu bapa dengan maklumat yang terkini mengenai kepentingan membangunkan literasi seksual dalam kalangan kanak-kanak (Kerry H. Robinson, 2017). Program-program seumpama ini boleh memberikan kemahiran-kemahiran, sumber-sumber dan sokongan kepada ibu bapa mengenai amalan terbaik untuk menyampaikan pendidikan seksual kepada anak-anak mereka.



Melalui usaha-usaha seperti ini, ibu bapa akan: (i) lebih sedar mengenai tanggungjawab mereka dalam memberikan pendidikan seksual kepada anak-anak; (ii) lebih faham mengenai kandungan pendidikan seksual Islami; dan, (iii) mendapat ilmu dan kemahiran untuk menyampaikan intipati Pendidikan Seksual Islami kepada anak-anak mereka dengan cara yang berkesan.

Apabila Pendidikan Seksual Islami ini difahami remaja, ia akan memandu mereka untuk mengurus naluri seks dan seksualiti mereka. Apabila ini berlaku, ia akan menjayakan prinsip memelihara keturunan seperti yang dituntut oleh *maqasid al-syariah*.

## KESIMPULAN

Pendidikan Seksual Islami mengajar kita untuk menguruskan salah satu fitrah manusia iaitu naluri seks. Dalam Islam, cara yang betul untuk menyalurkan fitrah ini ialah melalui perkahwinan. Islam amat menjaga naluri seks ini kerana ia berkait rapat dengan zuriat dan keturunan manusia. Ini jelas dalam Surah An-Nisa, ayat 1 di mana Allah SWT berfirman yang bermaksud, “*Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang menjadikan kamu dari diri yang satu, lalu dijadikan daripadanya pasangan (suami-isteri), lalu diperkembangbiakkan daripada keduanya lelaki dan wanita yang banyak.*” (Basmieh, 1988)

Di luar perkahwinan, naluri seks ini perlu dibendung sebaik-baiknya dan ini dipastikan dengan pengharaman zina dalam Surah Al-Israa, ayat 32, di mana Allah SWT berfirman yang bermaksud, “*Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk.*” (Basmieh, 1988). Penzinaan bakal melahirkan anak-anak luar nikah dan mencemarkan kemuliaan maruah sesuatu keturunan.

Dalam konteks itu, Pendidikan Seksual Islami adalah satu ilmu yang amat berkait rapat dengan objektif pemeliharaan keturunan, salah satu prinsip *maqasid al-syariah*.

Oleh kerana dalam Islam, pendidikan seksual ini adalah tanggungjawab ibu bapa, maka kita perlu menyedarkan ibu bapa mengenai tanggungjawab ini dan memperkasakan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab ini dengan berkesan.

Sehubungan itu, pendekatan yang diambil oleh oleh agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan di negara ini selama ini hendaklah diperbetulkan. Pendekatan yang cenderung ke arah memberi pendidikan seksual secara terus kepada remaja hendaklah diubah kepada pendekatan memberi pendidikan seksual kepada ibu bapa, agar ibu bapa dapat mendidik anak-anak mereka mengenai perkara ini.

## RUJUKAN

- Abd Manaf, A. R., Hillaluddin, A. H., Jamaluddin, Z., Ahmad, N. A., Mohd Arshad, F. H., Mat Saad, Z., and Wan Abdullah, W. A. (2013, Jun). Pengetahuan Seksualiti Dalam kalangan Pelajar Sekolah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 16, 15-31.
- Abdul Hamid, R. (2019, 8 2). Johor paling tinggi kes buang bayi. *BHOnline*. Retrieved 4 15, 2020
- Basmieh, A. (1988). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: BAHEIS.
- Hussin, Z., Siraj, S., Ab Malik, Z., Mohd Jamil, M., Sapar, A., & Mat Noh, N. (2015). Pembangunan Akhlak dan Moral ke Arah Masyarakat Lestari. *Al-Hikmah*, 7(2), 72-87.
- Ihwani, S., Muhtar, A., Musa, N., Ab Rahim, N., & Rashed, Z. (2015). Sex Education Beyond School: Implications for Practice and Research. *Journal of Advanced Review on Scientific Research*, 14(1), 12-16.
- Jamaluddin, Z., Abd Manaf, A., Sayuti, R., Md Zain, R., & Ahmad, A. (2018, Nov 23). Sexuality and Sources of Information: A study of Unwed Teenage Mother's in Women's Shelter in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 8(11), 67-75.
- Jangan buang bayi, ada keluarga angkat perlu - Dr. Wan Azizah. (2019, 8 3). *BHOnline*. Retrieved 4 15, 2020
- Kerry H. Robinson, E. S. (2017). Responsibilities, tensions and way forward: parents' perspectives on children's sexuality education. *Sex Education*, 17(3), 333-347.
- Khadijah, S. (2018, March 2). Retrieved January 2020, from islamika.com.my: <http://islamika.com.my/2018/03/02/dr-abdullah-nasih-ulwan-1928-1987/>
- Low, W. Y. (2009). Malaysian Youth Sexuality: Issues and Challenges. *JUMMEC*, 12(1), 3-14.
- Makol-Abdul, P. R., Nurullah, A. S., Imam, S. S., & Abd. Rahman, S. (2009). Parents' Attitudes towards Inclusion of Sexuality Education in Malaysian Schools. *International Journal about Parents in Education*, 3(1), 42-56.
- Masalah sosial membimbangkan. (2018, 7 22). *bernamadotcom*. Retrieved 4 15, 2020
- Masumi, S. (n.d.). Code of Ethics of Muslim Men and Women. Retrieved February 10, 2020, from <https://www.al-islam.org/code-ethics-muslim-men-and-women-sayyid-masud-masumi/glossary-terms>
- Mohd Salleh, M., Ahmad, N., & Zahalan, N. (2018, May). Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf Melalui 'Baby Hatch': Satu Penilaian Daripada Perspektif Maqasid Syariah dan Undang-undang Malaysia. *Journal al-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 13, 87-102.
- Mohd Yusof, F., Razali, K., Rosman, A. S., & Mustafa, Z. (2012). Pelaksanaan Sukatan Pelajaran Pendidikan Seksualiti dan Kekeluargaan Merentasi Kurikulum Sekolah Menengah: Satu Analisis. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam: Pengajaran dan Pembelajaran Realistik Dalam Pendidikan Islam - Penerokaan Terhadap Kandungan & Kaedah* (pp. 601-608). Bandar Seri Begawan: Psat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Ngah, M. (2019, 12 29). Kes rogol pelajar makin serius. *BHOnline*. Retrieved 4 15, 2020

- Ruskam, A., Kadir, A., Haiyon, S., & Shamugam, M. (2012). Pandangan guru Sekolah Menengah terhadap cadangan pelaksanaan pendidikan seks di peringkat sekolah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, (pp. 569-574).
- Shuib, N. (2019, 3 10). Pendidikan Seks, kekang hamil luar nikah. *BHOnline*. Retrieved 4 15, 2020
- Sulong, J., & Ismail, F. (2011, 7). Kesejahteraan Sejaht: Analisis Dari Perspektif Maqasiq al-Syariah. *Jurnal Usuluddin*, 79-96.
- Ulwan, A. N. (1988). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam* (1988 ed., Vol. 1). (S. A. Semait, Trans.) Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ulwan, A. N. (1988). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam* (1988 ed., Vol. 2). (S. A. Semait, Trans.) Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Y, S., Fui-Ping, W., B, R., M, M., J, R., & A.T, M. (2010, Dec). Factors Related to Sexual Knowlegde Among Malaysian Adolescents. *Jurnal Kemanusiaan*, 16, 21-32.

Siti Fatimah Abdul Rahman  
Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS)  
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 50480 Kuala Lumpur, Malaysia  
Email: siti@ikim.gov.my